



MALYSIAN RE (DUBAI) LTD.

PROFIL KORPORAT

Keperluan untuk pengembangan dan pertumbuhan portfolio perniagaan luar negara telah mendorong Kumpulan untuk mengembangkan sayapnya ke pasaran Timur Tengah, seterusnya menubuhkan Malaysian Re (Dubai) Ltd. (MRDL).

Ia merupakan sebuah anak syarikat milik penuh MNRB Holdings Berhad, dan telah diperbadankan pada 7 Disember 2006 serta dilesenkan di bawah undang-undang Pusat Kewangan Antarabangsa Dubai (DIFC), dan dikawal atur oleh Autoriti Perkhidmatan Kewangan Dubai (DFSA).

Fungsi utamanya adalah untuk meningkatkan dan mengembangkan perhubungan di antara pelanggan Malaysian Re yang sedia ada dan berpotensi luas khususnya di pasaran Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA) di mana Kumpulan melihat potensi yang besar. Objektif utamanya bagi membangunkan penjenamaan Malaysian Re sebagai sebuah syarikat insurans semula antarabangsa yang diiktiraf dan bereputasi.

Pada 18 Mac 2008, MRDL telah dilancarkan secara rasmi di DIFC. Ini pasti akan membantu dan mendorong misi Kumpulan dalam meluaskan pelaburannya di peringkat antarabangsa dan meraih peluang yang terbuka di rantau MENA.

STRUKTUR MODAL

Syarikat mempunyai Modal Dibenarkan berjumlah USD 5 juta dan Modal Berbayar berjumlah USD 2 juta.

maklumat **KORPORAT**

LEMBAGA PENGARAH

SHARKAWI ALIS

Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif

ANUAR MOHD HASSAN

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

SETIAUSAHA SYARIKAT

Norazman Hashim (*MIA 5817*)

JURUAUDIT

Moore Stephens
Akauntan Bertauliah
Suite M5-A, Zalfa Building
Al Garhoud Area
P. O. Box 28817
Dubai, United Arab Emirates
Tel : +971 4 2820811

BANK

Standard Chartered Bank
Precinct Building 1
DIFC Branch
Dubai, United Arab Emirates
Tel : +971 4 508 3043
Faks : +971 4 4282 502

PEJABAT BERDAFTAR

Suite 1, Level 1
Gate Village 4, The Gate District
Dubai International Financial Centre
P. O. Box 506571
Dubai, United Arab Emirates
Tel : +971 4 3230388
Faks : +971 4 3230288
Laman Web : www.malaysian-re.com.my

profil
PARA PENGARAH



SHARKAWI ALIS, berusia 62 tahun. Warganegara Malaysia. Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif sejak 17 Disember 2007.

Maklumat lain mengenai profil Sharkawi Alis dinyatakan dalam Profil Pengarah MNRB Holdings Berhad di muka surat 12 Laporan Tahunan ini.



ANUAR MOHD HASSAN, berusia 56 tahun. Warganegara Malaysia. Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif sejak 7 Disember 2006.

Maklumat lain mengenai profil Anuar Mohd Hassan dinyatakan dalam Profil Pengarah MNRB Holdings Berhad di muka surat 12 Laporan Tahunan ini.

kumpulan PENGURUSAN

Pegawai Eksekutif Kanan : Mohd Sahimy Man

NAIB PRESIDEN

Pengunderait Kanan : Avinash Anant Bagul B. Sc. Chemistry and Alll (India)

Pengunderait : Hassanal Bukhari Abdullah B. Management



MOHD SAHIMY MAN

Mohd Sahimy Man adalah Pegawai Eksekutif Kanan Malaysian Re (Dubai) Ltd. (MRDL). Beliau mempunyai 26 tahun pengalaman dalam industri insurans am dan insurans semula dan telah memegang pelbagai jawatan kanan di beberapa syarikat insurans dan insurans semula tempatan dan antarabangsa. Sebelum berkhidmat dengan MRDL pada Oktober 2006, beliau merupakan Pengurus Kanan/Pegawai Eksekutif Kanan Gantian di Swiss Reinsurance Company, Cawangan Kuala Lumpur dan Pengurus Besar MNI Offshore Insurance (L) Limited.



Naib Presiden

AVINASH ANANT BAGUL

Avinash Anant Bagul menyertai Malaysian Re (Dubai) Ltd. (MRDL) pada bulan Jun 2008 sebagai Naib Presiden & Pengunderait Kanan. Avinash adalah lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kimia) daripada University of Mumbai dan memegang Diploma daripada Insurance Institute of India. Beliau memulakan kerjaya di Jabatan Insurans Semula General Insurance Corporation of India (GIC) pada tahun 1988 dan menjawat jawatan Pengurus Kanan sebelum menyertai MRDL. Sepanjang 20 tahun berkhidmat dengan GIC di Jabatan Insurans Semula, beliau telah mengendalikan pelbagai portfolio termasuk Perniagaan Terti dan Fakultatif bagi syarikat-syarikat domestik India serta perniagaan dalaman asing bagi pasaran Eropah.



HASSANAL BUKHARI ABDULLAH

Hassanal Bukhari Abdullah menyertai Malaysian Re (Dubai) Ltd. pada bulan Jun 2008 sebagai Naib Presiden & Pengunderait. Beliau menamatkan pengajian daripada Concordia University, Wisconsin dengan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan. Kerjaya beliau dalam insurans semula bermula pada tahun 1998 apabila beliau menyertai Cameron Richard & Smith Insurance Services di London dan kembali ke Malaysia untuk menyertai syarikat subsidiarinya. Beliau mempunyai pengalaman dalam pelbagai aspek perniagaan insurans semula triti.